
Imam Abdullah Al-Haddad



Ratib Al-Haddad dan Wird-ul-Latif

Ratib Al-Haddad
dan Wird-ul-Latif

Imam Abdullah Al-Haddad

PIHAK PENGELOLA HAWI AL KHAIRAT
www.alhawi.net
KUALA LUMPUR
MALAYSIA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Pembaca yang budiman,

Buku kecil ini dipetik dari terbitan asal yang telah dicetak sempena Majlis Haul mengenang peninggalan seorang Mujaddid Islam abad kedua belas hijri yang bernama Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Alawi bin Muhammad Al-Haddad. Beliau dilahirkan di sebuah perkampungan dekat kota Tarim di Hadramaut, Yaman pada tahun 1066 Hijri dan wafat pada 7 Dhulqaedah tahun 1132 Hijri. Beliau terkenal sebagai seorang yang

mengandungi ilmu yang luas lagi bermanfaat; bukan sahaja untuk insan yang hidup pada zaman beliau, bahkan kepada sesiapa sahaja tanpa batasan zaman atau umur. Kehilangan daya penglihatannya dari umur empat tahun telah digantikan Allah s.w.t. dengan kebolehannya yang luar biasa menyerap ilmu dan menyebarluaskannya.

Dua daripada sistem wirid yang disusun oleh beliau digelar Ratib Al-Haddad dan Wirdul-Latif yang boleh dibaca dalam mana-mana majlis, bersama keluarga atau bersendirian. Kedua amalan zikirullah ini adalah cukup lengkap dan terkenal kemujarabannya untuk mecapai perlindungan Allah s.w.t.

Kami sama-sama berdoa' kehadrat Allah s.w.t. semoga para pembaca Ratib Al-Haddad dan Wirdul-Latif dari kaum Muslimin dan Muslimat di Malaysia juga mendapat barakah Allah s.w.t. serta meneruskan perjalanan hidup di alam ini dan alam seterusnya; di dalam perlindungan, maghfirah dan rahmat-Nya. Amin.

Pihak Pengelola
Hawi Al-Khairat
Malaysia

Oktober 2006
www.alhawi.net

Nota: Acara tahunan Majlis Haul sebagai peringatan peninggalan Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad secara lazimnya diadakan pada hari Sabtu yang pertama atau kedua pada setiap bulan Dhulqaedah di Masjid Baitul Aman di Jalan Damai, Ampang Kuala Lumpur mulai 6:00 petang.

* * * * *

الراتب الشهير

Ratib Al-Haddad

Susunan

الإمام القطب عبد الله بن علوي الحداد

Al-Imam Al-Qutub Abdullah bin Alawi Al-Haddad

Cetakan pertama August 2006
Cetakan kedua July 2007
Cetakan ketiga August 2008
Cetakan keempat Oktober 2009

Ratib Al-Haddad

Ratib Al-Haddad ini mengambil nama sempena nama penyusunnya, iaitu Imam Abdullah bin Alawi Al-Haddad, seorang pembaharu Islam (mujaddid) yang terkenal. Daripada doa-doa dan zikir-zikir karangan beliau, Ratib Al-Haddadlah yang paling terkenal dan masyhur. Ratib yang bergelar Al-Ratib Al-Syahir (Ratib Yang Termasyhur) disusun berdasarkan inspirasi, pada malam Lailatul Qadar 27 Ramadhan 1071 Hijriyah (bersamaan 26 Mei 1661).

Ratib ini disusun bagi menunaikan permintaan salah seorang murid beliau, 'Amir dari keluarga Bani Sa'd yang tinggal di sebuah kampung di Syibam, Hadhramaut. Tujuan 'Amir membuat permintaan tersebut

ialah bagi mengadakan suatu wirid dan zikir untuk amalan penduduk kampungnya agar mereka dapat mempertahan dan menyelamatkan diri daripada ajaran sesat yang sedang melanda Hadhramaut ketika itu.

Pertama kalinya Ratib ini dibaca ialah di kampung 'Amir sendiri, iaitu di kota Syibam setelah mendapat izin dan ijazah daripada Al-Imam Abdullah Al-Haddad sendiri. Selepas itu Ratib ini dibaca di Masjid Al-Imam Al-Haddad di Hawi, Tarim dalam tahun 1072 Hijriah bersamaan tahun 1661 Masehi. Pada kebiasaannya ratib ini dibaca berjamaah bersama doa dan nafalnya, setelah solat Isya'. Pada bulan Ramadhan ia dibaca sebelum solat Isya' bagi mengelakkan kesempitan waktu untuk menunaikan solat Tarawih. Mengikut Imam

Al-Haddad di kawasan-kawasan di mana Ratib al-Haddad ini diamalkan, dengan izin Allah kawasan-kawasan tersebut selamat dipertahankan daripada pengaruh sesat tersebut.

Apabila Imam Al-Haddad berangkat menunaikan ibadah Haji, Ratib Al-Haddad pun mula dibaca di Makkah dan Madinah. Sehingga hari ini Ratib berkenaan dibaca setiap malam di Bab al-Safa di Makkah dan Bab al-Rahmah di Madinah. Habib Ahmad bin Zain Al-Habsyi pernah menyatakan bahawa sesiapa yang membaca Ratib Al-Haddad dengan penuh keyakinan dan iman dengan terus membaca "La ilaha illallah" hingga seratus kali (walaupun pada kebiasaannya dibaca lima puluh kali), ia mungkin dikurniakan dengan pengalaman yang di luar dugaannya.

Beberapa perbezaan boleh didapati di dalam beberapa cetakan Ratib Haddad ini terutama selepas Fatihah yang terakhir. Beberapa doa ditambah oleh pembacanya. Al-Marhum Al-Habib Ahmad Masyhur bin Taha Al-Haddad memberi ijazah untuk membaca Ratib ini dan menyarankannya dibaca pada masa-masa yang lain daripada masa yang tersebut di atas juga di masa keperluan dan kesulitan. Mudah-mudahan sesiapa yang membaca ratib ini diselamatkan Allah daripada bahaya dan kesusahan. Amin.

Ketahuilah bahawa setiap ayat, doa, dan nama Allah yang disebutkan di dalam ratib ini telah dipetik daripada Al-Quran dan hadits Rasulullah s.a.w. Terjemahan yang dibuat di dalam ratib ini, adalah secara ringkas. Bilangan bacaan setiap doa dibuat

sebanyak tiga kali, kerana ia adalah bilangan ganjil (witir). Ini ialah berdasarkan saranan Imam Al-Haddad sendiri. Beliau menyusun zikir-zikir yang pendek yang dibaca berulang kali, dan dengan itu memudahkan pembacanya. Zikir yang pendek ini, jika dibuat selalu secara istiqamah, adalah lebih baik daripada zikir panjang yang dibuat secara berkala atau cuai[1].

---

1. "Syarh Ratib Al-Hadad" – komentar, pembicaraan dan hujah Ratib Al-Haddad yang teliti bagi setiap ayat di dalam Ratib Haddad Al-Habib Alawi bin Hassan bin Abdullah Al-Haddad, dalam bahasa Arab yang dicetak oleh Al-Habib Issa bin Alawi bin Essa bin Abdulkader Al-Haddad di Singapura dan di Maqam Imam Al Haddad. Baca juga "SYARAH RATIB HADDAD" Ulasan Dan Komentar oleh Syed Ahmad Semait (PN).

Ratib ini berbeza daripada ratib-ratib yang lain susunan Imam Al-Haddad kerana Ratib Al-Haddad ini disusun untuk dibaca lazimnya oleh kumpulan atau jamaah. Semoga usaha kami ini diberkahi Allah.

[وَاللّٰهُ وَلِيُّ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ].

الراتب الشهير

للحبيب عبد الله بن علوي الحداد

Ratib Al Haddad

Moga-moga Allah merahmatinya
[*Rahimahu Allahu Ta'ala*]

يَقُولُ القَارِئُ: الفَاتِحَةَ بِالْقَبُولِ وَتَمَامِ كُلِّ سُؤْلٍ وَمَأْمُول، وَإِلَى حَضْرَةِ الرَّسُولِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ، وَإِلَى رُوحِ صَاحِبِ الرَّاتِبِ

وَأُصُولِهِ وَفُرُوعِهِمْ، وَوَالِدِينَا وَوَالِدِيكُمْ وَأَمْوَاتِنَا وَأَمْوَاتِكُمْ وَأَمْوَاتِ الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ.

[الفَاتِحَة].

Bacalah Al-Fatihah dengan niat pengabulan dan kesempurnaan setiap permintaan dan harapan, dan kepada Rasul penghulu kita Muhammad – semoga Allah mencucurkan selawat dan salam-Nya ke atas baginda dan keluarga – dan kepada roh penyusun ratib ini beserta datuk nenek dan cucu cicitnya, juga bapa-bapa kita dan bapa-bapa kamu, mayat-mayat kita dan mayat-mayat kamu dan mayat-mayat kaum muslimin sekalian.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ. إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ. اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ. صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلاَ الضَّالِّينَ. آمِينَ.

1. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang kami

sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjuklah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ. لاَ تَأْخُذُهُ سِنَةٌ
وَلاَ نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمٰوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ،
مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلاَّ بِإِذْنِهِ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلاَ يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ
إِلاَّ بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمٰوَاتِ وَالأَرْضَ وَلاَ
يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ.

2. Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya. Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi, lagi Maha Agung.

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ، كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ، لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ، وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

3. Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Katakan): "Kami tidak membezakan antara seorang rasul dengan rasul-rasul yang lain." Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai

Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali."

لاَ يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلاَّ وُسْعَهَا ، لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ، رَبَّنَا لاَ تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ، رَبَّنَا وَلاَ تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا ، رَبَّنَا وَلاَ تُحَمِّلْنَا مَا لاَ طَاقَةَ لَنَا بِهِ، وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلاَنَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

4. Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia

mendapat pahala atas kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa atas kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(٣X)

5. Tiada Tuhan Melainkan Allah, Yang satu dan tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala kekuasaan, dan bagi-Nya segala pujian. Dialah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Dia sangat berkuasa atas segala sesuatu (3X).

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. (٣X)

6. Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar. (3X)

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللّٰهِ الْعَظِيمِ. (٣X)

7. Maha suci Allah, segala puji khusus bagi-Nya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung. (3X)

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.

(٣X)

8. Ya Allah ampunilah dosa kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya

Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (3X)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ وَسَلِّمْ. (٣X)

9. Ya Allah, cucurkan selawat ke atas Muhammad, Ya Allah, cucurkan selawat dan kesejahteraan-Mu ke atas-Nya. (3X)

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. (٣X)

10. Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari kejahatan makhluk-Nya. (3X)

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. (٣X)

11. Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya tiada suatu pun, baik di bumi mahupun di langit dapat memberi bencana, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3X)

رَضِينَا بِاللّٰهِ رَبًّا وَبِالإِسْلاَمِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا. (٣X)

12. Kami redha Allah sebagai Tuhan kami, Islam sebagai Agama kami dan Muhammad sebagai Nabi kami. (3X)

بِسْمِ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَالْخَيْرُ وَالشَّرُّ بِمَشِيئَةِ اللّٰهِ. (٣X)

13. Dengan Nama Allah, segala pujian bagi-Nya, dan segala kebaikan dan kejahatan adalah dengan kehendak Allah. (3X)

آمَنَّا بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ تُبْنَا إِلَى اللّٰهِ بَاطِنًا وَظَاهِرٍ. (٣X)

14. Kami beriman kepada Alllah dan Hari Akhirat, dan kami bertaubat kepada Allah batin dan zahir. (3X)

يَا رَبَّنَا وَاعْفُ عَنَّا وَامْحُ الَّذِي كَانَ مِنَّا. (٣X)

15. Ya Tuhan kami, maafkan kami dan hapuskanlah apa-apa (dosa) yang ada pada kami. (3X)

يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ أَمِتْنَا عَلَى دِينِ الإِسْلاَمِ.
(٧X)

16. Wahai Tuhan yang menpunyai sifat Keagungan dan sifat Pemurah, matikanlah kami dalam agama Islam. (7X)

يَا قَوِيُّ يَا مَتِينُ اِكْفِ شَرَّ الظَّالِمِينَ. (٣X)

17. Wahai Tuhan yang Maha Kuat lagi Maha Gagah, hindarkanlah aku dari kejahatan orang-orang yang zalim. (3X)

أَصْلَحَ اللّٰهُ أُمُورَ الْمُسْلِمِينَ صَرَفَ اللّٰهُ شَرَّ الْمُؤْذِينَ. (٣X)

18. Semoga Allah memperbaiki urusan kaum muslimin dan menghindarkan mereka dari kejahatan orang-orang yang suka mengganggu. (3X)

يَا عَلِيُّ يَا كَبِيرُ يَا عَلِيمُ يَا قَدِيرُ.
يَا سَمِيعُ يَا بَصِيرُ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ.
(٣X)

19. Wahai Tuhan Yang Maha Mulia, lagi Maha Besar, Yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa, Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Yang Maha Lemah-Lembut lagi Maha Mengetahui. (3X)

يَا فَارِجَ الْهَمِّ يَا كَاشِفَ الْغَمِّ يَا مَنْ لِعَبْدِهِ يَغْفِرُ وَيَرْحَمُ. (٣X)

20. Wahai Tuhan yang melegakan dari dukacita, lagi melapangkan dada dari rasa sempit. Wahai Tuhan yang mengampuni dan menyayangi hamba-hambaNya. (3X)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ رَبَّ الْبَرَايَا أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ مِنَ الْخَطَايَا.

(٤X)

21. Aku memohon keampunan Allah Tuhan Pencipta sekalian makhluk, aku memohon keampunan Allah dari sekalian kesalahan. (4X)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ. (٥٠X)

22. Tiada Tuhan Melainkan Allah (50X)

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرَّفَ
وَكَرَّمَ وَمَجَّدَ وَعَظَّمَ، وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْ أَهْلِ
بَيْتِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ وَأَصْحَابِهِ الأَكْرَمِينَ،
وَأَزْوَاجِهِ الطَّاهِرَاتِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ، وَالتَّابِعِينَ

لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ

بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

23. Muhammad Rasulullah, semoga Allah Mencucurkan Selawat dan Kesejahteraan ke atasnya, meninggikan dan memuliakannya, membesarkan dan mengagungkannya, serta semoga Allah Ta'ala meredhai keluarganya yang baik dan suci, dan para sahabatnya yang mulia, para isterinya yang suci ibu-ibu kaum mukminin, sekalian yang mengikuti mereka dengan kebaikan sehingga hari Kiamat, dan semoga kita bersama mereka dengan rahmat-Mu wahai Yang Maha Pengasih daripada yang mengasihani.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ هُوَ اللّٰهُ أَحَدٌ. اللّٰهُ الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

(٣X)

24. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "Dialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan segala permohonan; Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (Surah Al-Ikhlas). (3X)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ.

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ. وَمِنْ
شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ. وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ.

25. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku berlindung dengan Tuhan yang menciptakan cahaya subuh, daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan; dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap gelita; dan daripada (ahli-ahli sihir) yang menghembus pada simpulan-simpulan ikatan; dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan kedengkiannya." (Surah Al-Falaq)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ.
مَلِكِ النَّاسِ. إِلَهِ النَّاسِ. مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ
الْخَنَّاسِ. الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ. مِنَ
الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ.

26. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung dengan Tuhan sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, Yang melemparkan bisikan dan

hasutannya ke dalam hati manusia, dari kalangan jin dan manusia." (Surah An-Nas)

[الْفَاتِحَة]

إِلَى حَضْرَةِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَقُرَّةِ أَعْيُنِنَا رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَآلِهِ الطَّيِّبِينَ وَأَصْحَابِهِ الأَكْرَمِينَ، ثُمَّ إِلَى رُوحِ سَيِّدِنَا الْمُهَاجِرِ إِلَى اللَّهِ أَحْمَد بِن عِيسَى، وَإِلَى رُوحِ سَيِّدِنَا الْفَقِيهِ الْمُقَدَّمِ مُحَمَّد بِنْ عَلِيّ بَا عَلَوِي وَأُصُولِهِ وَفُرُوعِهِمْ وَكَافَّةِ سَادَاتِنَا آلِ أَبِي عَلَوِي

أَنَّ اللّٰهَ يُعْلِي دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ وَبِعُلُومِهِمْ وَأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَبَرَكَاتِهِمْ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

27. Al-Fatihah kepada hadhrat penghulu, kekasih, pensyafaat dan cahaya mata kami, Rasulullah Muhammad – semoga Allah mencucuri selawat dan salam ke atas baginda serta keluarganya yang baik dan para sahabatnya yang mulia. Kemudian kepada penghulu kita yang berhijrah kepada Allah, Ahmad bin Isa, dan kepada penghulu kita, Al-Faqih Al-Muqaddam, Muhammad bin Ali Ba'alawi, dan kepada asal-usul dan keturunannya, dan semua penghulu kita keluarga bani

'Alawi, moga-moga Allah meninggikan darjat mereka di syurga, dan memberi kita manfaat dengan mereka, ilmu-ilmu mereka, rahsia-rahsia mereka, cahaya mereka dan keberkatan mereka di dalam agama, dunia dan akhirat.

[الْفَاتِحَة]

إِلَى أَرْوَاحِ سَادَاتِنَا الصُّوفِيَّةِ أَيْنَمَا كَانُوا فِي مَشَارِقِ الأَرْضِ وَمَغَارِبِهَا وَحَلَّتْ أَرْوَاحُهُمْ - أَنَّ اللَّهَ يُعْلِي دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ وَبِعُلُومِهِمْ وَبِأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ، وَيُلْحِقُنَا بِهِمْ فِي خَيْرٍ وَعَافِيَةٍ.

28. Bacalah Al-Fatihah kepada roh-roh penghulu kita ahli-ahli Sufi, di mana saja roh mereka berada, di timur atau barat, moga-moga Allah meninggikan darjat mereka di syurga, dan memberi kita manfaat dengan mereka, ilmu-ilmu mereka, rahsia-rahsia mereka, cahaya mereka, dan golongkan kita bersama mereka dalam keadaan baik dan afiah.

[الْفَاتِحَة]

إِلَى رُوحِ صَاحِبِ الرَّاتِبِ قُطْبِ الإِرْشَادِ وَغَوْثِ الْعِبَادِ وَالْبِلاَدِ الْحَبِيبِ عَبْدِ اللّٰهِ بِنْ عَلَوِي الْحَدَّادِ

وَأُصُولِهِ وَفُرُوعِهِ أَنَّ اللّٰهَ يُعْلِي دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ وَيَنْفَعُنَا بِهِمْ وَأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَبَرَكَاتِهِمْ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

29. Bacalah Al-Fatihah kepada roh Penyusun Ratib ini, *Qutbil-Irsyad*, Penyelamat kaum dan negaranya, Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad, asal-usul dan keturunannya, moga-moga Allah meninggikan darjat mereka di syurga, dan memberi kita manfaat dari mereka, rahsia-rahsia mereka, cahaya dan berkat mereka di dalam agama, dunia dan akhirat.

[الْفَاتِحَة]

إِلَى كَافَّةِ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ وَوَالِدِينَا وَسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ، أَنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ لَهُمْ وَيَرْحَمُهُمْ وَيُعْلِي دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، وَأَنَّ اللَّهَ يَنْصُرُ وَيُوَفِّقُ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَنَّ اللَّهَ الْكَرِيمَ الْمَنَّانَ يَحْفَظُ عَلَيْنَا دِينَ الإِسْلاَمِ وَالإِيمَانِ وَيَتَوَفَّنَا عَلَيْهِمَا أَجْمَعِينَ، وَيَحْشُرُنَا فِي زُمْرَةِ الصَّالِحِينَ، الْفَاتِحَة.

30. Al-Fatihah buat sekalian hamba Allah yang soleh, ibu bapa kami, dan sekalian muslimin. Semoga Allah

mengampuni, merahmati dan meninggikan darjat mereka di dalam syurga, dan semoga Allah membantu dan memberi taufiq kepada penguasa-penguasa Muslimin, dan semoga Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemberi memelihara agama Islam dan keimanan buat kita, dan mematikan kita sekalian atas keduanya, serta membangkitkan kita dalam golongan kaum solehin.

[وَيَدْعُو الْقَارِئُ] :

29. Berdoalah di sini apa yang dihajati seperti:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ
وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي

لِجَلاَلِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ بِحَقِّ الْفَاتِحَةِ الْمُعَظَّمَةِ وَالسَّبْعِ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، أَنْ تَفْتَحَ لَنَا بِكُلِّ خَيْرٍ، وَأَنْ تَتَفَضَّلَ عَلَيْنَا بِكُلِّ خَيْرٍ، وَأَنْ تَجْعَلَنَا مِنْ أَهْلِ الْخَيْرِ، وَأَنْ تُعَامِلَنَا يَا مَوْلاَنَا مُعَامَلَتَكَ لأَهْلِ الْخَيْرِ، وَأَنْ تَحْفَظَنَا فِي أَدْيَانِنَا وَأَنْفُسِنَا وَأَمْوَالِنَا وَأَوْلاَدِنَا وَأَهْلِينَا وَأَصْحَابِنَا وَأَحْبَابِنَا مِنْ كُلِّ مِحْنَةٍ وَفِتْنَةٍ وَبُؤْسٍ وَضَيْرٍ، إِنَّكَ وَلِيُّ كُلِّ

خَيْرٍ، وَمُتَفَضِّلٌ بِكُلِّ خَيْرٍ، وَمُعْطٍ لِكُلِّ خَيْرٍ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدِينَا وَلأَوْلاَدِنَا وَلِمَشَائِخِنَا فِي الدِّينِ، وَلِمَنْ أَحْسَنَ إِلَيْنَا وَلِمَنْ أَوْصَانَا بِالدُّعَاءِ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَارْضَ عَنَّا وَتَقَبَّلْ مِنَّا، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ وَنَجِّنَا مِنَ النَّارِ. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ شَأْنَنَا كُلَّهُ. اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلاَ تَنْقُصْنَا، وَأَكْرِمْنَا وَلاَ تُهِنَّا، وَأَعْطِنَا وَلاَ تَحْرِمْنَا، وَارْضَنَا وَارْضَ عَنَّا،

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

31. Segala puji hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam, pujian yang memadai nikmat-Nya dari mencukupi penambahan-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala pujian sebagaimana layak bagi kebesaran Zat-Mu dan keagungan kekuasaan-Mu. Ya Allah cucurkanlah selawat dan kesejahteraan ke atas penghulu kami Muhammad, ahli keluarganya, ahli baitnya dan sahabat-sahabat baginda. Wahai Tuhan, kami memohon dengan haq (benarnya) surah Al-Fatihah yang diagungkan, iaitu tujuh ayat yang selalu diulang-ulang, dan Al-Quran yang agung, bukakan untuk kami

segala perkara kebaikan dan kurniakanlah kepada kami segala kebaikan, jadikanlah kami dari golongan insan yang baik; dan perlakukanlah kami wahai Tuhan kami, sepertimana perlakuan-Mu terhadap insan yang baik, peliharalah kami dalam agama kami, diri kami, harta-harta kami, anak-anak kami, ahli keluarga kami, sahabat-sahabat kami, serta semua orang yang kami sayangi dari segala kesengsaraan, fitnah, kesedihan dan kemudharatan. Sesungguhnya Engkaulah Maha Pelindung seluruh kebaikan dan Engkaulah yang mengurniakan seluruh kebaikan dan memberi kebaikan dan Engkaulah yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani.

Ya Allah ya Tuhan kami, ampunilah kami, ibu bapa kami, anak-anak kami, para

masyaikh kami di dalam urusan agama, orang yang berbuat baik kepada kami, orang-orang yang berpesan kepada kami untuk berdoa, dan kepada sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat yang hidup mahupun yang telah mati. Ya Allah ampunkanlah kami, rahmatilah kami, terimalah daripada kami, masukkan kami ke dalam syurga dan selamatkan kami dari neraka. Ya Allah, perbaikilah semua keadaan kami. Ya Allah, tambahilah kami (kebaikan), janganlah Engkau kurangkan, muliakan kami dan jangan Engkau hinakan, kurniakan kami pemberian dan jangan hampakan, jadikanlah kami meredhai-Mu dan redhailah kami, wahai Tuhan yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani. Semoga Allah mencucurkan selawat dan

salam kepada penghulu kami Muhammad, keluarganya dan para sahabatnya. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. (٣X)

32. Ya Allah, sesungguhnya kami memohon keredhaan-Mu dan syurga, dan kami memohon perlindungan-Mu dari kemurkaan-Mu dan api neraka. (3X)

اِنْتَهَى الرَّاتِبُ الشَّهِيرُ.

Tamat *Ratib Al-Haddad*

الورد اللطيف

فِي أذكَارِ الصَّبَاحِ وَالْمَسَاءِ

Wirdul-Latif

Zikir Pagi Dan Petang

Susunan

الإمام القطب عبد اللّه بن علوي الحداد

Al-Imam Al-Qutub Abdullah bin Alawi Al-Haddad

[الوِرْدُ اللَّطِيفُ]

Wirdul-Latif

Pembukaan

Wirdul-Latif adalah salah satu dari susunan *wirid dan zikir* oleh Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad. Selalunya ia dibaca berseorangan pada waktu pagi dan petang. Seperti karangannya yang lain, Al-Imam Al-Haddad menyusun wirid ini dengan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis.

Dengan cara tulisannya yang senang difaham, pendek dan tepat, beliau menyusun ayat-ayat *Al-Quran* dan *Hadis*

untuk berzikir kebesaran dan kelebihan Allah s.w.t. Dinamakan *Wirdul-Latif* (wirid yang ringan) sebab ianya senang dibaca dan senang dihayati di hati pembaca. Juga sebab ia tidak begitu panjang seperti wirid susunan beliau yang agak panjang, iaitu *Wirdul-Kabir*.

Karangan dan bacaan *Wirdul-Latif* di sini ialah seperti yang dianjurkan oleh pengikut-pengikut, murid-murid dan muslimin di negeri Arab, Semenanjung Asia dan Afrika, dari keturunan Al-Haddad, *Munsib-munsib*nya di maqam Imam Al-Haddad di Hawi, Tarim – Hadhramaut di negara Yaman, serta orang awam secara umum.

Imam Alawi bin Ahmad bin Hassan bin Abdullah Al-Haddad, cicit beliau telah menyusunkan wirid ini dengan

mengurangkan jumlah bacaan *tasbih* dan *tahmeed*. Perulangan *tasbih* dan *tahmeed* dikurangkan kepada tiga dan ditambah satu ayat untuk gantinya. Beliau mengikut arahan Allah seperti di Surah 2, Al-Baqarah Ayat 286:

لاَ يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا إِلاَّ وُسْعَهَا.

"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."

Diriwayatkan daripada Anas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah masuk ke masjid dan baginda mendapati ada seutas tali yang direntangkan di antara dua tiang, lalu baginda bertanya: "Tali apakah ini?" Para Sahabat menjawab, "Tali itu

digunakan oleh Zainab untuk sembahyang, apabila dia merasa malas atau keletihan dia akan berpegang pada tali tersebut." Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: "Lepaskan ikatan tali tersebut, seseorang dari kamu hendaklah bersembahyang dengan keupayaan yang ada pada dirinya, apabila dia malas atau letih maka hendaklah dia berhenti."

Zainab adalah seorang yang kukuh imannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Zainab r.a. jikalau ia mahu belajar satu zikir yang pahalanya serupa dengan membaca bilangan zikir-zikir ini. Dan Baginda pun berkata, "tambahkan kalimah 'seberapa banyak ciptaan-Nya' kepada setiap tasbih, taslim dan tahmeed."

Sudah tentulah lebih baik jika kita ada masa dan tenaga untuk membaca wirid ini

dengan sepenuhnya. Insya-Allah, Allah akan memberi kita taufiq dan hidayat dalam mengamalkan pelbagai wirid. Kita juga memohon semoga Allah s.w.t. merahmati Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Alwi Al-Haddad yang telah membimbing kita dengan lautan ilmu yang ditaburi dalam buku karangan beliau yang bermanfaat tanpa dikira zaman serta memimpin kita ke jalan yang benar. Amin.

* * * * *

[الْوِرْدُ اللَّطِيفُ]

Wirdul-Latif

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ. اللَّهُ
الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

(٣X)

1. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): “Dialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan segala permohonan; Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan Dan tidak ada sesiapa pun yang sebanding dengan-Nya. *Surah Al-Ikhlas (3X)*

بِسْمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ.
مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ. وَمِنْ
شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ. وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ.

(٣X)

2. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakalah (wahai Muhammad); "Aku berlindung dengan Tuhan yang menciptakan cahaya subuh, daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Ia ciptakan; dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap gelita; dan daripada (ahli-ali sihir) yang menghembus pada simpulan-simpulan ikatan; dan

daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan kedengkiannya."

Surah Al-Falaq (3X)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ. مَلِكِ النَّاسِ. إِلَهِ النَّاسِ. مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ. الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ. مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ. (٣X)

3. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung dengan Tuhan sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian

manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, dari kalangan jin dan manusia."

Surah An-Nas (3X)

رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ، وَأَعُوذُ بِكَ
رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونِ. (٣X)

4. Ya Tuhanku, aku berlindung dengan-Mu dari bisikan-bisikan syaitan. Dan aku berlindung pula dengan-Mu ya Tuhanku dari kedatangan mereka kepadaku. (3X)

Surah 23: Al-Mu'minun Ayat 97-98

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لاَ تُرْجَعُونَ.

5. Maka apakah kamu mengira, bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu sia-sia, dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمُ.

6. Maka Maha Tinggi Allah, Raja Yang Sebenarnya – Tidak ada Tuhan Selain Dia – Tuhan yang memiliki 'Arasy yang Agung.

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللّٰهِ إِلَهًا آخَرَ لاَ بُرْهَانَ لَهُ بِهِ، فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ، إِنَّهُ لاَ يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ.

7. Dan barangsiapa menyembah tuhan yang lain di samping Allah, padahal tidak ada suatu dalil pun baginya tentang itu, maka sesungguhnya perhitungannya di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak beruntung.

وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ.

8. Dan katakanlah: Ya Tuhanku berilah keampunan dan berilah rahmat, dan Engkau adalah Pemberi rahmat yang paling baik!

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ.

9. Maka bertasbihlah kepada Allah di waktu kamu berada di petang hari dan waktu kamu berada di waktu subuh.

وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ.

10. Dan bagi-Nyalah segala puji di langit dan bumi, dan di waktu petang dan di waktu kamu berada di waktu zunur.

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ، وَيُحْيِي الأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ.

11. Dia mengeluarkan dan hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan menghidupkan bumi sesudah matinya: dan seperti itulah kamu dikeluarkan (dari kubur).

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

(٣X)

12. Aku berlindung dengan Allah Yang Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui dari syaitan yang terkutuk. (3X)

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا

مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللّٰهِ، وَتِلْكَ الأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا

لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ.

13. Kalau sekiranya Kami menurunkan Al-Quran ini kepada sebuah gunung pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah-pecah disebabkan takut kepada Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.

هُوَ اللّٰهُ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ.

14. Dialah Allah yang Tiada Tuhan selain Dia, Yang Mengetahui yang Ghaib dan yang

Nyata. Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلاَمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ، سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ.

15. Dialah Allah Yang Tiada Tuhan Selain Dia; Raja Yang Maha Suci; Yang Maha Sejahtera; Yang Mengurniakan keamanan; Yang Maha Memelihara; Yang Maha Perkasa; Yang Maha Kuasa; Yang Memiliki Segala Keagungan. Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan.

هُوَ اللّٰهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى، يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمٰوَاتِ وَالأَرْضِ، وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

16. Dialah Allah Yang Menciptakan; Yang Mengadakan; Yang Membentuk rupa; Yang Mempunyai nama-nama yang baik; Bertasbihlah kepada-Nya apa yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

سَلاَمٌ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ.

17. Kesejahteraan dilimpahkan atas Nuh di seluruh alam.

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ.

18. Sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik.

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ.

19. Sesungguhnya dia termasuk di antara hamba-hamba Kami yang beriman.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.
(٣X)

20. Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari kejahatan makhluk-Nya. (3X)

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. (٣X)

21. Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya tiada satu pun, yang di bumi mahupun di langit, dapat memberi kemudharatan dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3X)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ مِنْكَ فِي نِعْمَةٍ وَعَافِيَةٍ وَسِتْرٍ، فَأَتْمِمْ نِعْمَتَكَ عَلَيَّ وَعَافِيَتَكَ وَسِتْرَكَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ. (٣X)

22. Ya Allah, sesungguhnya aku telah mendapatkan nikmat, kesihatan serta perlindungan daripada-Mu di pagi hari ini, maka sempurnakan nikmat, kesihatan serta perlindungan-Mu padaku di dunia dan akhirat. (3x)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ أُشْهِدُكَ وَأُشْهِدُ حَمَلَةَ عَرْشِكَ وَمَلاَئِكَتَكَ وَجَمِيعَ خَلْقِكَ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ وَحْدَكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ. (٤X)

23. Ya Allah, di pagi hari ini aku mengambil-Mu sebagai saksi, begitu pun para pemikul 'Arasy-Mu, para malaikat-Mu dan

seluruh makhluk-Mu, bahawa Engkaulah Allah, tiada Tuhan selain Engkau, Tunggal tiada sekutu, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Mu. (4X)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ
وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ. (٣X)

24. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, pujian yang memadai nikmat-nikmat-Nya dan mencukupi penambahan-Nya. (3X)

آمَنْتُ بِاللّٰهِ الْعَظِيمِ، وَكَفَرْتُ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ،

وَاسْتَمْسَكْتُ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لاَ انْفِصَامَ لَهَا، وَاللّٰهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ. (٣X)

25. Aku beriman kepada Allah Yang Maha Agung dan ingkar terhadap sembahan selain Allah, kejahatan dan thaghut (segala yang disekutukan dengan Allah), dan aku berpegang dengan tali yang kukuh yang tidak akan terputus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3X)

رَضِيتُ بِاللّٰهِ رَبًّا، وَبِالإِسْلاَمِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا وَرَسُولاً. (٣X)

26. Aku ridha Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad s.a.w. sebagai Nabi dan Rasul. (3X)

حَسْبِيَ اللّٰهُ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ. (٧X)

27. Cukuplah Allah bagiku (sebagai pelindung); tiada Tuhan melainkan Dia, kepada-Nya aku bertawakal, dan Dialah Penguasa Arasy yang agung. (7X)

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

(١٠X)

28. Ya Allah, limpahkanlah selawat dan salam-Mu ke atas penghulu kami Muhammad serta keluarga dan sahabat-sahabatnya. (10X)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فُجَاءَةِ الْخَيْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فُجَاءَةِ الشَّرِّ.

29. Ya Allah aku bermohon kepada-Mu untuk kebaikan yang tidak disangka; dan aku berlindung dengan-Mu daripada bencana yang mengejut.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ خَلَقْتَنِي، وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ.

30. Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan selain Engkau; Engkau ciptakan daku dan aku ini adalah hamba-Mu dan aku akan menuruti titah dan amanat-Mu sekuat tenagaku.

أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْلِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ.

31. Aku berlindung dengan-Mu dari hal-hal buruk yang aku lakukan, dan aku mengakui kepada-Mu nikmat-Mu kepadaku, serta mengakui dosaku, maka ampunilah aku, kerana tiada yang mampu mengampuni dosa itu melainkan Engkau.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

32. Ya Allah, Engkaulah Tuhanku tiada tuhan selain Engkau, hanya kepada Engkau aku berserah diri, dan Engkaulah Tuhan bagi Arasy yang agung.

مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

33. Apa yang dikehendaki Allah pasti akan terjadi, dan apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak akan terjadi. Tiada daya

dan tiada kekuatan melainkan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا.

34. Aku mengetahui bahwasanya Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Dan sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmu-Nya atas tiap-tiap sesuatu.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

35. Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan diriku sendiri, dan dari kejahatan segala yang melata yang ubun-ubunnya berada dalam genggaman-Mu, sesungguhnya Tuhanku berada di atas jalan yang lurus.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ وَمِنْ عَذَابِكَ أَسْتَجِيرُ.

36. Ya Allah, Yang Hidup, Tuhan Yang Berdiri Sendiri, aku memohon pertolongan dengan kasih sayang-Mu, dan aku memohon perlindungan daripada siksa-Mu.

أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ، وَلاَ تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي
وَلاَ إِلَى أَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ طَرْفَةَ عَيْنٍ.

37. Berilah kepadaku kebaikan dalam urusanku semua, janganlah Engkau menyerahkan daku kepada diriku sendiri, dan jangan juga kepada salah seorang pun daripada makhluk-Mu walau sekelip mata sekalipun.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ
وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

38. Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada keluh-kesah dan kesedihan, dan aku berlindung dengan-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, dan aku berlindung dengan-Mu dari sifat pengecut dan bakhil, dan aku berlindung dengan-Mu daripada bebanan hutang dan daripada paksaan manusia.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

39. Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu kesejahteraan di dunia dan akhirat.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ، فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي.

40. Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu pengampunan dan kesejahteraan serta perlindungan yang abadi dalam agamaku, duniaku, keluargaku, dan hartaku.

اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي.

41. Ya Allah, tutupilah segala ke'aibanku, dan amankanlah ketakutanku.

اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.

42. Ya Allah, peliharalah daku dari malapetaka yang datang dari depan dan belakangku, dan dari kanan dan kiriku, dan dari atasku, dan aku berlindung dengan keagungan-Mu agar jangan ditipu dari bawahku (tanpa disedari).

اللّٰهُمَّ أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنْتَ تَهْدِينِي، وَأَنْتَ تُطْعِمُنِي وَأَنْتَ تَسْقِينِي، وَأَنْتَ تُمِيتُنِي وَأَنْتَ تُحْيِينِي.

43. Ya Allah Engkaulah yang menciptakan aku, memberikan petunjuk kepadaku, memberi makanan padaku, memberikan minuman kepadaku, mematikan aku, dan Engkaulah yang menghidupkan aku.

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الإِسْلاَمِ، وَعَلَى كَلِمَةِ الإِخْلاَصِ، وَعَلَى دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَلَى مِلَّةِ أَبِينَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا ، وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

44. Kami berada pada pagi ini dengan fitrah beragama Islam, di atas kalimah ikhlas, dengan agama Nabi kami Muhammad s.a.w. dan agama bapa kami Ibrahim a.s. yang lurus dan berserah (kepada Allah), dan sekali-kali bukanlah dia dari golongan orang-orang yang musyrikin.

اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ النُّشُورُ، أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

45. Ya Allah! Sesungguhnya dengan Engkaulah kami berada di waktu pagi, demikian pula di waktu petang, dan di kala hidup dan di kala mati, dan hanya kepada-Mulah tempat kebangkitan, kami berada di waktu pagi sedang kekuasaan tetap berada bagi Allah Tuhan sekalian alam.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ فَتْحَهُ وَنَصْرَهُ وَنُورَهُ وَبَرَكَتَهُ وَهُدَاهُ.

46. Ya Allah, kami memohon kepada-Mu kebaikan hari ini, pembukaannya, kemudahannya, cahayanya, keberkatannya dan petunjuknya.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا فِيهِ،
وأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هَذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا فِيهِ.

47. Ya Allah aku memohon kepada-Mu kebaikan hari ini, dan kebaikan apa yang ada di dalamnya, dan aku berlindung kepada-Mu daripada keburukan hari ini dan keburukan apa yang terdapat di dalamnya.

اللَّهُمَّ مَا أَصْبَحَ بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ،

فَمِنْكَ وَحْدَكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ، فَلَكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ عَلَى ذَلِكَ.

48. Ya Allah, nikmat yang aku terima di pagi ini, atau yang diterima oleh salah seorang dari hamba-Mu, maka sumbernya hanyalah Engkau semata, tiada sekutu bagi-Mu, bagi-Mu lah pujian dan kepada-Mu kami bersyukur atas semuanya itu.

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ. (٣X)

49. Maha Suci Allah dan puji-pujian untuk-Nya, sebanyak bilangan makhluk-

Nya, sebanyak bilangan keridhaan-Nya, seberat timbangan 'Arasy-Nya dan sebanyak tinta untuk menulis kalimat-Nya. (3X)

سُبْحَانَ اللّٰهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا
نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ. (٣X)

50. Maha Suci Allah Yang Maha Agung dan puji-pujian untuk-Nya, sebanyak bilangan makhluk-Nya, sebanyak bilangan keridhaan-Nya, seberat timbangan 'Arasy-Nya dan sebanyak tinta untuk menulis kalimat-Nya. (3X)

سُبْحَانَ اللّٰهِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، سُبْحَانَ

اللّٰهِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ، سُبْحَانَ اللّٰهِ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ. (٣X)

51. Maha Suci Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, Maha Suci Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di bumi, Maha Suci Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, Maha Suci Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya. (3X)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ. (٣X)

52. Segala puji bagi Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, segala puji bagi Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di bumi, segala puji bagi Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, segala puji bagi Allah sebanyak bilangan ciptaan-Nya. (3X)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ. (٣X)

53. Tiada Tuhan melainkan Allah, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, tiada tuhan melainkan Allah, sebanyak

bilangan ciptaan-Nya di bumi, tiada tuhan melainkan Allah, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, tiada tuhan melainkan Allah, sebanyak bilangan ciptaan-Nya. (3X)

اللّٰهُ أَكْبَرُ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، اللّٰهُ أَكْبَرُ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، اللّٰهُ أَكْبَرُ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ، اللّٰهُ أَكْبَرُ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ. (3X)

54. Allah Maha Besar, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, Allah Maha Besar, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di bumi, Allah Maha Besar, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, Allah Maha Besar, sebanyak bilangan ciptaan-Nya. (3X)

لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ، لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ. (٣X)

55. Tiada kekuatan atau kuasa melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, tiada kekuatan atau kuasa melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung, sebanyak

bilangan ciptaan-Nya di bumi, tiada kekuatan atau kuasa melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung, sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, tiada kekuatan atau kuasa melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung, sebanyak bilangan ciptaan-Nya. (3X)

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي السَّمَاءِ، اللّٰهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَا خَلَقَ فِي الأَرْضِ، اللّٰهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ

وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَا بَيْنَ ذَلِكَ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلِّمْ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ.

56. Ya Allah, limpahkanlah selawat dan kesejahteraan atas penghulu kami Muhammad, Nabi yang *Ummiy* (buta huruf) dan atas keluarga dan sahabat-sahabatnya sebanyak bilangan ciptaan-Nya di langit, Ya Allah, limpahkanlah kurnia dan kesejahteraan atas penghulu kami Muhammad, Nabi yang *Ummiy* dan atas keluarga dan sahabat-sahabatnya sebanyak bilangan ciptaan-Nya di bumi, Ya Allah, limpahkanlah kurnia dan kesejahteraan atas penghulu kami Muhammad, Nabi yang

Ummiy dan atas keluarga dan sahabat-sahabatnya sebanyak bilangan ciptaan-Nya di antara keduanya, Ya Allah, limpahkanlah kurnia dan kesejahteraan atas penghulu kami Muhammad, Nabi yang *Ummiy* dan atas keluarga dan sahabat-sahabatnya sebanyak bilangan ciptaan-Nya.

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ عَدَدَ كُلِّ ذَرَّةٍ أَلْفَ مَرَّةٍ. (٣X)

57. Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, kepunyaan-Nyalah segala kekuasaan, dan hanya bagi-Nya segala puji, dan Dia Maha

Kuasa atas segala sesuatu, sebanyak bilangan semua zarah seribu kali. (3X)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ
الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ.

58. Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, kepunyaan-Nyalah segala kekuasaan, dan hanya bagi-Nya segala puji, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, sebanyak bilangan yang telah diciptakan-Nya.

* * * * *

[Nota]:

Jika dibaca pada waktu petang gantikanlah perkataan-perkataan yang di garis bawah itu seperti berikut:

«أَصْبَحْتُ» - «أَمْسَيْتُ»

Di ayat 22, 23, 44 dan 45: "Pagi" digantikan dengan "Petang".

«النُّشُورُ» - «الْمَصِيرُ»

Di ayat 45 "kebangkitan" digantikan dengan "kembali".

«اللَّيْل» - «اليَوْم»

Dan di dalam ayat 46 dan 47: "hari" digantikan dengan "malam".

انْتَهَى الْوِرْدُ اللَّطِيفُ

Tamat *Wirdul-Latif*

* * * * *